

# Universiti Melaka — UNIMEL —

UNIVERSITI MELAKA  
(dahulu dikenali sebagai KUIM)  
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU  
78200 MELAKA

## JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada mereka yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:

### JAWATAN DAN SYARAT-SYARAT LANTIKAN:

- ❖ PENSYARAH (DG41) (O&G)
- ❖ PENSYARAH (DG41) (PUBLIC HEALTH NURSING)
- ❖ JURURAWAT KLINIKAL (U32)

Taraf Jawatan : Kontrak  
Tempoh Permohonan : Sepanjang Tahun

- ▶ Terdiri daripada warganegara Malaysia;
- ▶ Berumur 18 tahun ke atas ;

- PENSYARAH DG41 (O&G)
- PENSYARAH DG41 (PUBLIC HEALTH NURSING)

### Syarat Lantikan:

- i. Ijazah Sarjana (Master) di dalam bidang yang berkaitan dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- ii. Ijazah Sarjana Muda di dalam bidang yang berkaitan dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- iii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## • JURURAWAT KLINIKAL U32

### **Syarat Lantikan:**

- i. Mempunyai Diploma Kejururawatan yang diiktiraf oleh Lembaga Jururawat Malaysia. (Calon yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejururawatan juga adalah dialu-alukan);
- ii. Mempunyai kelayakan kursus tambahan (Post Basic). Disarankan calon yang memiliki sijil Post Basic OT / ICU / CCU / Renal / Kebidanan / Kesihatan Awam dan lain-lain yang berkaitan serta diiktiraf oleh Lembaga Jururawat Malaysia (LJM);
- iii. Seorang jururawat berdaftar dengan Sijil Amalan Tahunan semasa;
- iv. Mempunyai pengalaman klinikal sebagai jururawat berdaftar sekurang-kurangnya 5 tahun;
- v. Komunikasi yang baik dan kemahiran interpersonal; dan
- vi. Bersemangat dalam pengajaran dan penyelidikan.

### **CARA MEMOHON**

- a) Permohonan hendaklah dihantar melalui e-mel: [perjawatan@kuim.edu.my](mailto:perjawatan@kuim.edu.my) dan disertakan bersama :
  - i. Borang rasmi yang boleh didapati melalui laman web Kolej Universiti Islam Melaka [www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)
  - ii. Resume / butir-butir peribadi dan salinan kad pengenalan pemohon.
  - iii. Salinan kelayakan SPM, STPM, Diploma dan dokumen yang berkaitan.
  - iv. Slip gaji terkini (3 bulan).
  - v. Sijil – sijil / dokumen yang berkaitan.
- b) Permohonan Jawatan yang dinyatakan adalah terbuka sepanjang tahun. Sila tuliskan nama jawatan yang dipohon beserta nama pemohon di bahagian subjek e-mel mengikut tatacara berikut:

Subjek : Jururawat Klinikal (Gred U32) \_ Nama Pemohon  
**atau**

Subjek : Pensyarah (DG 41) (O&G) \_ Nama Pemohon  
**atau**

Subjek : Pensyarah (DG 41) (Public Health Nursing) \_ Nama Pemohon